



Ruj. Kami : 100-BPD(BSK.6/3)
Tarikh : 26 Julai 2021

Kepada Semua
Rektor UiTM Cawangan / Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit dan Staf
Universiti Teknologi MARA

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/ Profesor/Dr/Tuan/Puan

MAKLUMAN PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 21 TAHUN 2021

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 58/2021 bertarikh 22 Jun 2021 telah meluluskan Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan tarikh pemakaian berkuatkuasa mulai 1 Julai 2021.
3. Sehubungan itu disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 21 Tahun 2021 berkaitan Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM untuk rujukan.

Sekian, terima kasih

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar


NOR AMIRUDDIN BIN MOKHTARUDDIN
Ketua Timbalan Pendaftar
b.p. Pendaftar

Bhg. Pembangunan Organisasi : 03 5544 3080/3081/3082/3075/3133/3262
Bhg. Pengambilan & Penempatan Staf : 03 5544 3027/3085/3084/3005/3077/3090
Bhg. Pengurusan Perkhidmatan : 03 5544 3060/3132/3053/3066/3134/3067
Bhg. Saraan & Kemudahan : 03 5544 3040/3062/3043/3047/3061/3045
Bhg. Kemajuan Kerjaya : 03 5544 3030/3101/3105/3103
: 03 5521 1625/1312/1621

PEJABAT PENDAFTAR
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Malaysia
Tel: (+603) 5544 3050/3051/3133
Faks: (+603) 5544 3029

Laman web : <http://pendaftar.uitm.edu.my>



UiTM di hatiku



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 21 Tahun 2021

MANUAL KEMUDAHAN PERUBATAN STAF DAN PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi pemakluman berkenaan Manual Kemudahan Perubatan Bagi Staf dan Pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1. Perintah Am Bab F Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/ klinik Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan oleh seseorang pegawai atau pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan tidak dapat diperolehi di hospital/ klinik Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di hospital/ klinik/ agensi swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.

2.2. Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, terdapat beberapa perubahan dan pindaan yang berlaku berkaitan kemudahan perubatan penjawat awam dan yang telah diterima pakai oleh UiTM yang telah dibuat keputusan dalam :

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (JKK) UiTM ke-112 pada 15 Januari 2010 telah meluluskan untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 berkaitan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-162 pada 31 Januari 2018 bersetuju meluluskan Garis Panduan Kemudahan Perubatan untuk Ibu Bapa yang Sah kepada Pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berpujian berkuatkuasa 1 Januari 2018.
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 pada 15 September 2020 meluluskan penerimaan pakai sepenuhnya Surat Edaran JPA Rujukan JPA.800-6/2/109(6) - Berkaitan Kemudahan Rawatan Dan Perbelanjaan Perubatan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Dan Ibu Bapa Yang Sah.
- iv. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 pada 15 September 2020 meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran JPA (Rujukan: JPA.Saraan(S)264/15/16-4Jld.14(18) Bertarikh 30 Januari 2015 Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad Disenaraikan Sebagai Alat Bantuan Perubatan.
- v. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 58/2021 bertarikh 22 Jun 2021 bersetuju meluluskan cadangan menerima pakai Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM berkuat kuasa 1 Julai 2021.

3.0 MANUAL KEMUDAHAN PERUBATAN STAF DAN PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

- 3.1 Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM disediakan sebagai rujukan staf dan pesara UiTM setelah mengambilkira beberapa perubahan dan penambahbaikan kemudahan perubatan yang telah dilaksanakan oleh

Kerajaan menerusi pekeliling perkhidmatan dan surat edaran yang berkuat kuasa yang telah diterima pakai di UiTM.

3.2 Manual ini dikeluarkan setelah mengambilkira perkara-perkara berikut untuk dijadikan satu sumber rujukan staf dan Pesara UiTM:

- i. Peraturan Am, Bab F (Perubatan) 1974 ;
- ii. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 12/2002 berkaitan Garis Panduan Rawatan Susulan di IJN bagi Pesakit Tanggungan Kerajaan ;
- iii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 berkaitan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan ;
- iv. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 Berkaitan Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan Berhubung Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd ;
- v. Surat Edaran (Ruj JPA.800-6/2/109 (2)) Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 22 Disember 2017 berkaitan garis panduan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen ;
- vi. Surat Eedaran JPA (Rujukan JPA.800-6/2/109(6) berkaitan Kemudahan Rawatan Dan Perbelanjaan Perubatan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Dan Ibu Bapa Yang Sah ; dan
- vii Surat Edaran JPA (Rujukan:JPA.Saraan(S)264/15/16-4Jld.14(18) Bertarikh 30 Januari 2015 Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhadap.

3.3 Manual ini juga mengandungi tatacara terkini rujukan staf dan pesara dan boleh dicapai di pendaftar.uitm.edu.my/dpocket.

4.0 PEMAKAIAN

4.1 Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM ini hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan kewangan dan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

4.2 Pekeliling ini terpakai kepada semua staf dan pesara UiTM.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 16 Julai 2021

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2021



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada :

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti/Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 21/2021)